



01 NOV, 2021

Lima yatim piatu kes Covid-19 dapat perhatian wakil rakyat

Harakah, Malaysia



Page 1 of 2

Lima yatim piatu kes Covid-19 dapat perhatian wakil rakyat

Oleh **KHAIRUL AZLAM MOHAMAD**

KUALA TERENGGANU: Lima orang adik-beradik yang kehilangan ibu bapa akibat pandemik Covid-19 dan penyakit kanser kini mendapat perhatian wakil rakyat terutamanya Ahli Parlimen Kuala Terengganu, Dato' Ahmad Amzad Hashim.

Allahyarham Zulkifli Ramli, 61, bekas guru meninggal dunia pada 27 September 2021 lalu dipercayai akibat penyakit Covid-19 di rumahnya Kampung Durian Burung, Dewan Undangan Negeri (DUN) Wakaf Mempelam, Kuala Terengganu.

Sebelum itu, Harakah dimaklumkan arwah isterinya Tuan Norziana Tuan Sagar juga telah meninggal dunia lebih awal kira-kira empat tahun lalu dipercayai penyakit kanser.

Justeru, kata anak sulong Zulkifli iaitu Cempaka Zulkifli, 30, beliau kini menjadi 'ibu bapa' kepada lima orang adiknya yang berusia 17 hingga lapan tahun dan masih bersekolah.

"Saya baharu sahaja

mendirikan rumah tangga dua bulan sebelum arwah ayah (Zulkifli) meninggal dunia kerana Covid-19. Ibu (Tuan Norziana) meninggal lebih awal kerana penyakit kanser."

"Sekarang, saya kena jadi 'ibu bapa' kepada adik-adik lima orang di bawah yang masih bersekolah. Kami semuda reda atas pemergian arwah ayah dan ibu dalam keadaan kami masih memerlukannya," ujar beliau ketika ditemui Harakah, di rumahnya Kampung Durian Burung, Kuala Terengganu, hari ini.

Menurutnya, Allahyarham Zulkifli dan Tuan Norziana meninggalkan lima orang anak yatim pintu bersama antara 17 hingga 8 tahun, tidak termasuk Puan Cempaka yang telah berkahwin dua bulan sebelum berlaku kes Covid ini.

"Lim beradik yang yatim piatu ini ialah Kasih Nuraini berumur 17 tahun, Sayang Murni (15), Suci Sofiah (13), Wali Al-Hadap (10) dan Waisi Al-Syahid lapan tahun."

"Selain itu, arwah ayah (Zulkifli) juga mempunyai seorang lagi anaknya



Puan Cempaka (kanan) ditemani adiknya, Kasih Nuraini, 17, menerima sumbangan daripada Dato' Amzad melalui wakilnya, Mohd Azmi Ali.

yang berlainan ibu sebelum berkahwin dengan ibu saya Tuan Norziana iaitu seorang anak lelaki," jelasnya.

Sehubungan itu, Dato'

Amzad menzhirkir rasa dukacita dan simpatinya kepada keluarga anak yatim piatu ini dengan menyampaikan sedikit sumbangan bagi meringankan bebanah ahli keluarga ini melalui wakilnya.

Pembantu Khas Parlimen (DUN) Wakaf Mempelam,

Mohd Azmi Ali berkata, pihaknya sentiasa prihatin dan mengambil berat terhadap segala musibah dan masalah rakyat ini.

"YB Dato' Ahmad Amzad, tidak dapat hadir sama kerana tugas dan tanggungjawab di Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) dan Dewan Rakyat. Saya mewakili beliau (Amzad) akan membantu keluarga anak yatim piatu ini, InsyaAllah."

"Ini termasuklah menge-

nai-masa depan persekolahan mereka. Sebab, sebelum arwah (Zulkifli) meninggal dunia ada menyatakan hasrat untuk menghantarkan anak-anaknya ke Pusat Pengajian Tahfiz al-Quran," ujarnya kepada Harakah.

Menurut Azmi, sumbangan wang tunai dan barang keperluan dapat turut disampaikan kepada ahli keluarga berkenaan.

Hadir sama Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan dan Keselamatan Kampung (JPKK) Taman Setia Durian Burung, Abdul Khalid Othman.

Sebelum ini, Pengerusi Jawatankuasa Kebajikan, Pembangunan Keluarga, Wanita dan Perpaduan Nasional negeri, Hanafiah Mat memaklumkan, kerajaan Terengganu sedia membantu semua mangsa Covid-19 dalam kalangan anak-anak yatim supaya mereka dan keluarganya terbebas.

Justeru, beliau mengharapkan agar pewaris mangsa Covid-19 berkenaan diminta menghubungi pihak Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) di setiap daerah bagi membolehkan bantuan

yang diperlukan disalur.

"Apabila kita mendapat data dan mengesahkan kedua ibu bapa mereka meninggal, saya berharap JKM dapat memberi bantuan segera. Jika anak yatim terabit masih bersekolah, kita masuk dalam bantuan sekolah hingga ke universiti."

"Bantuan itu mengikut kategori iaitu anak sekolah, OKU (Orang Kelainan Upaya), ibu tunggal atau warga emas sekurang-kurangnya bantuan antara RM250 hingga RM500 sebulan," ujarnya.

Sebelum ini, terdapat laporan seramai 4,422 murid sekolah di bawah Kementerian Pendidikan (KPM) yang kehilangan ibu atau bapa atau penjaga akibat Covid-19 serta menjadi anak yatim atau yatim piatu akibat wabak tersebut.

Mengikut Direktori Bilik Gerakan Covid-19 dan Bilik Gerakan Imunisasi Covid-19 negeri Terengganu sehingga 27 Oktober, sejumlah 290 kes baru, dengan jumlah kumulatif kematian 444 kes dan jumlah kumulatif kes keseluruhannya mencecah 68,529 kes.



01 NOV, 2021

Lima yatim piatu kes Covid-19 dapat perhatian wakil rakyat

Harakah, Malaysia



Page 2 of 2

SUMMARIES

KUALA TERENGGANU: Lima orang adik-beradik yang kehilangan ibu bapa akibat pandemik Covid-19 dan penyakit kanser kini mendapat perhatian wakil rakyat terutamanya Ahli Parlimen Kuala Terengganu, Dato' Ahmad Amzad Hashim. Allahyarham Zulkifli Ramli, 61, bekas guru meninggal dunia pada 27 September 2021 lalu dipercayai akibat penyakit Covid-19 di rumahnya Kampung Durian Burung, Dewan Undangan Negeri (DUN) Wakaf Mempelam, Kuala Terengganu.